



## KENYATAAN MEDIA

### PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PERKUMPULAN RAMAI

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 31 Mac 2022**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai **pengemaskinian garis panduan bagi perkumpulan ramai yang akan dilaksanakan mulai hari Juma'at, 1hb., April 2022** yang mana **perkumpulan ramai adalah dibenarkan dengan kapasiti penuh di premis awam termasuk dewan dan restoran ATAU had maksima 300 orang, yakni yang mana lebih rendah**. Had kapasiti penuh di premis awam adalah tertakluk kepada penjarakan fizikal dengan sekurang-kurangnya satu (1) meter seperti di antara meja di restoran-restoran atau satu (1) meter di antara kerusi bagi majlis-majlis keramaian lain.

Sementara itu, had perkumpulan ramai di kediaman persendirian adalah **masih lagi dikekalkan iaitu seramai 30 orang** (tidak termasuk tuan rumah).

Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya pengusaha restoran dan kedai makan bahawa penyediaan makanan secara 'buffet' di restoran-restoran atau di rumah-rumah persendirian adalah **masih tidak dibenarkan**.

Syarat-syarat bagi pengemaskinian garis panduan ini adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu COVID-19 dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn).

Marilah kita terus menadah tangan untuk berdoa dan bertawakal kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* agar kita semua dan Negara Brunei Darussalam supaya terus dipelihara, dirahmati, aman damai, selamat dan sejahtera. *Amin ya rabbal 'alamin.*

### **JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Negara Brunei Darussalam

28 Sya'ban 1443  
31 Mac 2022